

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95**

APRIL 1995

RPK 423 - Perancangan Riadah dan Pelancongan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Perancangan adalah merupakan suatu percubaan untuk merumuskan prinsip-prinsip yang dapat membantu kita mencipta sesuatu latarbelakang fizikal yang bertamadun untuk kehidupan.

Bincangkan bagaimana definisi perancangan di atas dapat diterjemahkan dalam konteks perancangan rekreasi di negara Malaysia?

(25 markah)

2. Dalam Perancangan Rekreasi, penilaian terhadap isu dan masalah adalah penting dalam menentukan kejayaan sesuatu program pembangunan rekreasi. Bincangkan beberapa isu dan masalah yang seringkali dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan?

(25 markah)

3. Penyertaan masyarakat adalah penting dalam menentukan kejayaan program pembangunan rekreasi. Lakarkan model pendekatan penyertaan masyarakat yang boleh dijadikan panduan untuk melibatkan masyarakat dalam semua peringkat perancangan rekreasi.

(25 markah)

Bahagian B

4. Berasaskan kepada maklumat bilangan pengunjung ke Malaysia yang menunjukkan tren pelancongan antarabangsa bagi tahun 1984 - 1994, nyatakan secara ringkas perubahan-perubahan utama yang telah berlaku dalam dekad tersebut dan apakah penyebab terhadap perubahan tersebut?

(25 markah)

5. Anda adalah seorang Pengarah sebuah Perbadanan Pelancongan peringkat wilayah. Sediakan sebuah kertas kerja yang menggariskan rancangan pembangunan pelancongan dalam tempoh 5 tahun akan datang. Dalam kertas kerja ini anda perlu mempertimbangkan semua produk pelancongan yang sedia ada dan yang dirancang, dan mencadangkan pembangunan pelancongan baru dalam jangkamasa tersebut.

(25 markah)

6. Anda adalah seorang pengusaha sebuah hotel yang terletak di pusat bandar peranginan yang utama. Kadar penghunian hotel anda adalah di bawah paras purata. Anda mempunyai sebuah bilik suite di tingkat bawah yang tidak digunapakai sepenuhnya. Beri cadangan bagaimana anda boleh memajukan program pemasaran supaya dapat meningkatkan kadar penghunian dengan mengambilkira penggunaan bilik tingkat bawah tersebut dengan lebih berkesan.

(25 markah)

oooOOooo